

PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF MURID AUTISTIK DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH : SATU KAJIAN KES

**Hjh Kamaliah Muhammad
Wan Amimah Wan Mahmud**

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif murid-murid autistik di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk mengumpul data-data. Seramai dua puluh satu orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada seorang Guru Besar yang kemudiannya digantikan oleh Guru Penolong Kanan, Penyelaras Program Integrasi Pendidikan Khas Pembelajaran, tiga orang Guru Pendamping dari Persatuan Autistik Kebangsaan Malaysia atau *The National Autism Society Of Malaysia* (NASOM), tiga orang guru mata pelajaran, tiga orang murid autistik dan sepuluh orang murid normal. Sekolah A merupakan sebuah sekolah yang menjalankan Program Pendidikan Inklusif yang dinamakan “Projek Rintis Pendekatan Inklusif Bagi Murid-murid Autistik”. Seramai lapan orang murid autistik dari (NASOM) telah berjaya dimasukkan secara sepenuh masa di kelas biasa di sekolah tersebut. Istimewanya program ini ialah setiap kelas yang mempunyai murid autistik akan disertasi oleh seorang guru pendamping dari (NASOM) yang akan membantu murid-murid tersebut. Semua guru kelas dan guru mata pelajaran telah diberi kursus pendedahan berkaitan dengan murid-murid autistik dan Program Pendidikan Inklusif oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan (NASOM). Dapatan kajian mendapati guru-guru kelas dan guru mata pelajaran menjalin kerjasama yang baik dengan guru-guru pendamping dari (NASOM) untuk membantu aktiviti pembelajaran murid-murid autistik. Murid-murid ini mampu mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama-sama rakan sekelas yang lain dan berdikari sekiranya guru pendamping tidak hadir. Semua murid-murid tersebut gembira belajar di sekolah ini. Mereka boleh berkomunikasi dengan rakan-rakan sekelas dan guru-guru mata pelajaran. Guru Penolong Kanan menyarankan Program Pendidikan Inklusif akan berkesan jika dirancang dengan rapi dari pihak KPM dan diimplimentasikan dengan bantuan dan pemantauan berterusan.

Kata kunci: pendidikan inklusif, murid autistik, sekolah rendah

Pendahuluan

Kini usaha untuk memberi peluang pendidikan murid-murid berkeperluan khas di kelas aliran perdana juga mengalami perubahan positif. Ini selaras dengan konsep pendidikan untuk semua dengan menyediakan peluang dan perkhidmatan pendidikan untuk semua murid berkeperluan khas seperti bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran termasuk murid-murid autistik. Program Pendidikan Inklusif telah menjadi matlamat kepada usaha murni untuk memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua murid tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka. Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) adalah untuk memastikan semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengenal pasti jurang pendidikan yang perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti dan kualiti dapat ditingkatkan.

Pernyataan Masalah

Program Pendidikan Inklusif (PPI) bagi murid bermasalah pembelajaran telah lebih sedekad dijalankan. Oleh itu, satu kajian yang menyeluruh perlu dijalankan terhadap semua faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PPI supaya ia dapat diimplimentasikan secara berkesan dan memberi impak positif kepada semua murid yang terlibat sama ada murid berkeperluan khas mahupun murid normal yang berada di kelas tersebut. Murid-murid berkeperluan khas kategori autistik yang berupaya dalam akademik sahaja yang akan diinkluskikan dalam kelas arus perdana.

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah banyak bergantung kepada corak interaksi guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan pengajaran. Bagi memenuhi keperluan murid autistik yang berada di dalam kelas, guru mata pelajaran akan membuat penyesuaian. Keadaan ini akan mengubah corak interaksi sedia ada dan sebaliknya memberi kesan kepada murid-murid normal pula. Pelaksanaan PPI akhirnya, tidak memberi apa-apa kesan positif kepada murid berkeperluan khas. Malang sekali jika murid-murid normal turut rasa terganggu dan menganggap program ini telah memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mereka. (Gargiulo, R.M. 2006)

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, yang dirancang Kementerian Pelajaran Malaysia sedang ke arah meningkatkan Program Pendidikan Inklusif di kalangan murid-murid berkeperluan khas, maka satu kajian yang menyeluruh perlu dijalankan terhadap semua faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program tersebut. Program Pendidikan Inklusif murid-murid berkeperluan khas khususnya murid kategori autistik, sedang dijalankan di sekolah rintis. Maka kajian ini dijalankan bagi melihat pelaksanaannya dan kesannya kepada murid autistik dan guru-guru yang terlibat.

Objektif Kajian

Objektif kajian kes ini adalah untuk meninjau pelaksanaan PPI murid-murid pendidikan khas dari kategori autistik di sebuah sekolah rendah. Objektif khusus kajian kes ini adalah untuk mengumpul maklumat-maklumat berikut:

- 1, Bagaimanakah pelaksanaan PPI bagi murid pendidikan khas kategori autistik dari segi:
 - a. Murid autistik di kelas inklusif:
 - 1) Ciri-ciri penempatan murid autistik di kelas inklusif
 - 2) Ciri-ciri pemilihan murid autistik di kelas inklusif
 - 3) Program persediaan dan bantuan yang diperlukan oleh murid autistik di kelas inklusif.
 - 4) Kemajuan yang dapat di kesan dari murid autistik
 - b. Guru-guru:
 - 1) Pendedahan guru-guru mata pelajaran mengenai Pendidikan Khas dan Pendidikan Inklusif sebelum mengajar
 - 2) Aspek kerjasama di antara guru mata pelajaran dengan guru Pendidikan Khas di dalam melaksanakan Program Pendidikan Inklusif
 - 3) Amalan pengajaran guru-guru di kelas inklusif.

Persoalan Kajian

Kajian Kes ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut.

1. Bagaimanakah pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif bagi murid pendidikan khas kategori autistik di Sekolah A dari segi:
 - a. Murid autistik
 - 1) Ciri-ciri penempatan murid autistik di kelas inklusif.
 - 2) Ciri-ciri pemilihan murid autistik ke kelas inklusif
 - 3) Program persediaan dan bantuan yang diperlukan olehmurid autistik. di kelas inklusif.
 - 4) Kemajuan yang dapat di kesan dari murid autistik
 - b. Guru-guru
 - 1) Adakah guru-guru mata pelajaran diberi pendedahan mengenai Pendidikan Khas dan Pendidikan Inklusif sebelum mengajar?
 - 2) Adakah wujud kerjasama di antara guru mata pelajaran dengan guru Pendidikan Khas di dalam melaksanakan Program Pendidikan Inklusif?
 - 3) Apakah amalan pengajaran guru-guru di kelas inklusif?

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan akan dapat memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan PPI murid-murid autistik seperti Jabatan Pendidikan Khas, KPM, Unit Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pentadbir sekolah-sekolah yang mempunyai Program Intergrasi Pendidikan Khas di sekolah-sekolah harian. Pihak yang tersebut perlu memberikan perhatian yang lebih menyeluruh dalam merancang dan melaksanakan program yang lebih berkesan bagi murid autistik khususnya dan murid berkeperluan khas amnya.

Di pihak pentadbir sekolah dan guru-guru di sekolah pula diharapkan mendapat maklumat bagi menyediakan Program Pendidikan Inklusif yang berkesan bukan sahaja

kepada murid inklusif tetapi juga melihat kepentingan sosial murid normal yang dipaksa menerima murid autistik sebagai rakan sekelas. Penyediaan tempat yang sesuai akan membolehkan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif dapat merancang dengan lebih berkesan untuk mencapai fungsinya. (Farell et al, 2002)

Tinjauan Literatur

Kecelaruan Spektrum Autistik (*Autistic Spectrum Disorder*)

Kecelaruan Spektrum Autistik lebih mudah dicirikan melalui aspek tiada perkembangan atau secara luar biasanya perkembangannya tertangguh. Autisme biasanya juga dirujuk sebagai satu gangguan yang berbentuk spektrum di mana ciri-cirinya boleh wujud dalam mana-mana kombinasi dan dalam keadaan keterukan yang berbeza. Sifat autistik tidak dapat dikesan pada kanak-kanak berumur antara setahun hingga dua tahun, tetapi biasanya menjadi ketara pada usia dua tahun hingga enam tahun. Mengikut “Ketidakupayaan Tiga Segi Wing”, individu autistik menunjukkan ketidakupayaan dalam tiga bidang, yaitu komunikasi, sosial, dan tingkah laku.

Kajian Dalam Negeri

Di Malaysia, tiada kajian dijalankan terhadap Program Pendidikan Inklusif murid autistik secara khusus. Ini adalah kerana tidak banyak program khusus yang menempatkan murid autistik di satu-satu PPI. Semua murid autistik ditempatkan di dalam Program Integrasi Pendidikan Khas Pembelajaran sekolah-sekolah harian biasa. Oleh yang demikian, kajian ini akan secara khusus mengkaji murid-murid autistik yang menghadiri Program Pendidikan Inklusif di sebuah sekolah rendah.

Kajian Luar Negara

Banyak kajian telah dibuat menunjukkan kanak-kanak yang mempunyai masalah pertuturan, fizikal, terencat akal, emosi dan berprestasi rendah dalam pelajaran tidak diterima oleh rakan sebaya mereka daripada golongan murid yang bernasib baik (Garguilo, 2006). Murid yang mempunyai masalah personaliti, pertuturan dan kecacatan ringan sering membuatkan mereka sukar diterima

Begitu juga strategi yang diambil oleh guru dan pihak pentadbir sekolah dalam menggalakkan perhubungan sosial yang positif di antara murid normal dengan murid autistik. Sekiranya guru dapat menanamkan kefahaman yang positif kepada murid normal maka pergaulan dan penerimaan mereka juga akan lebih baik dan menimbulkan persepsi yang positif. (Gore, 2004)

Akta perundangan dan dasar antarabangsa mengenai Program Pendidikan Inklusif (PPI)

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) menyatakan, sekolah biasa yang mempunyai orientasi Pendidikan Inklusif adalah kaedah paling berkesan bagi melawan sikap diskriminasi terhadap murid keperluan khas. UNESCO menggesa semua kerajaan menjalankan dasar Pendidikan Inklusif dengan mendaftarkan murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah biasa.

Di Amerika Syarikat, sokongan terhadap PPI mempunyai sejarah yang agak panjang. Ia dimulakan dengan Akta Pendidikan untuk Semua Kanak-kanak Cacat 1975, kemudian bertukar nama menjadi Akta Individu Kurang Upaya (IDEA) 1990, dan beberapa pengubahsuaian pada akta ini pada tahun 1997. Semua akta ini memastikan khidmat pendidikan disediakan untuk semua murid, tanpa mengira sifat kurang upaya atau keperluan pembelajaran mereka, dan bahawa ciri pelajaran ini agak tekal di seluruh Amerika Syarikat. Di Great Britain, perundangan kurang terperinci berbanding perundangan di Amerika Syarikat, dan ini membolehkan pihak berkuasa pendidikan mentafsir undang-undang ini dalam pelbagai cara (Dyson dan Millward, 2000). Di Australia dan New Zealand, tiada perundangan yang bersifat kebangsaan yang dapat menentukan secara khusus, perkhidmatan pendidikan khas bagi memenuhi keperluan pendidikan murid berkeperluan khas.

Metologi Kajian

Antara perkara yang akan dibincangkan ialah rekabentuk kajian, responden kajian, instrumen kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisan data.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian kes yang dijalankan di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur. Pengkaji menggunakan gabungan kaedah kajian secara kualitatif. Dua kaedah pungutan data telah digunakan iaitu temubual dan pemerhatian melalui senarai semak.

Populasi Kajian

Populasi kajian ini ialah Sekolah A iaitu sebuah sekolah rendah berenrolmen rendah di Kuala Lumpur. Sekolah A merupakan sebuah sekolah yang menjalankan Program Pendidikan Inklusif yang dinamakan “Projek Rintis Pendekatan Inklusif Bagi Murid-murid Autistik”.

Sampel Kajian

Berikut adalah senarai sampel kajian ini.

Jadual 3.1
Sampel Kajian di Sekolah A

Bil.	Sampel	Bilangan (orang)
1.	Guru Besar	1
2.	Penyelaras Kelas Khas	1
3.	Guru Mata pelajaran (kelas inklusif)	3
4.	Guru Pendamping Pendidikan Inklusif	3
5.	Murid Autistik	3
	JUMLAH	11

Instrumen Kajian

Instrumen kajian kes ini adalah seperti berikut:

Senarai Semak Pemerhatian Kelas Inklusif. (Lampiran A)

Instrumen ini melihat aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bagi melihat bagaimanakah pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di sekolah yang dipilih. Senarai semak ini telah diubahsuai dan diadaptasi dari senarai semak Vandercook (1990) yang dipetik daripada Saravanan (1997). Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu seperti berikut:

- Bahagian A : Mengenai persekitaran fizikal kelas dan mengandungi 4 item
- Bahagian B: Mengenai aktiviti pembelajaran dan mengandungi 4 item
- Bahagian C: Mengenai Sosiolisasi dan Komunikasi dan mengandungi 7 item

Set Temu Bual

- Protokol Temu Bual Guru Besar (Lampiran B)
- Protokol Temu Bual Guru Matapelajaran dan Guru Pendamping Pendidikan Inklusif (Lampiran C)
- Protokol Temu Bual Guru Penyelaras Pendidikan Khas (Lampiran D)

Dapatan Kajian

Kajian kes ini telah mengambil sebelas orang sebagai responden dari sekolah A. Murid-muridnya terdiri daripada berbilang bangsa dan belajar dari tahun satu hingga tahun enam. Saiz kelas adalah sekitar dua puluh orang murid hingga dua puluh lima orang murid di dalam setiap kelas. Menurut Guru Besar Sekolah A, beliau bersama-sama semua Penolong Kanan telah dihubungi oleh pihak Jabatan Pendidikan Khas, KPM bagi membincangkan implementasi Program Pendidikan Inklusif (PPI) murid-murid autistik dari Persatuan Autistik Kebangsaan Malaysia atau *The National Autism Society Of Malaysia* (NASOM) iaitu sebuah Organisasi Bukan Kerajaan yang menjalankan pendidikan untuk murid-murid autistik. Di pihak sekolah, mereka hanya menerima murid-murid yang telah dicalonkan oleh pihak NASOM tanpa bantahan. Sungguh pun demikian pihak sekolah telah mengemukakan satu set peraturan sekolah untuk dipatuhi oleh pihak NASOM dan ibu bapa murid-murid autisma yang terlibat.

Penempatan murid-murid autistik dari NASOM ke PPI sekolah ini adalah secara inklusif penuh. Ini bermakna mereka akan mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran sepenuh masa di dalam kelas-kelas yang terpilih bersama-sama murid normal. Ciri-ciri murid autistik yang layak mengikuti ini telah ditentukan oleh pihak NASOM. Mereka hanya memilih mereka yang menguasai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Di samping itu, murid-murid ini mampu untuk mengurus diri dan berkomunikasi dengan orang lain. Mereka mempunyai tingkah laku yang terkawal dan tidak mempamerkan masalah tingkah laku yang ganjil yang akan menjejaskan komunikasi dengan guru mata pelajaran dan murid-murid lain. Di samping itu, tingkah laku sedemikian akan mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kelak. Paling utama ialah murid-murid tersebut mendapat persetujuan dan kerjasama daripada ibu bapa mereka. Hanya ibu bapa yang

bersetuju dengan syarat-syarat yang diberikan oleh pihak sekolah A sahaja yang akan dipilih untuk mengikuti program ini.

Pihak NASOM turut mengatur program persediaan untuk murid-murid autistik yang terpilih sebelum mengikuti program ini secara sepenuh masa. Guru Penyelaras Pendidikan Khas telah memberi penerangan mengenai keadaan dan senario aktiviti pembelajaran yang akan berlaku di dalam kelas inklusif. Sebelum mengikuti program ini mereka dikehendaki melakukan lawatan ke sekolah A setiap pagi dan melihat kawasan sekolah dan bilik-bilik darjah disamping mengikuti aktiviti penilaian diagnostik dan Program Pra Inklusif selama beberapa hari.

Murid-murid autistik ini telah melalui program persediaan yang terancang dan tersusun. Antara aktiviti persediaan yang telah dilakukan adalah lawatan ke sekolah A, melawat sekeliling kawasan sekolah, menghadiri majlis perhimpunan mingguan, makan bersama-sama murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dan murid-murid normal sewaktu rehat, menyertai program pra inklusif di kelas PKBP dan kelas biasa

Di samping itu, guru-guru kelas dan mata pelajaran telah diberitahu mengenai kehadiran murid-murid autistik tersebut di dalam kelas mereka. Di dalam kohort pertama, hanya empat buah kelas sahaja yang terlibat iaitu dua buah kelas di tahun satu dan dua buah kelas di tahun dua. Kesemua murid autistik hanya berada di kelas-kelas tahap satu sahaja. Di dalam setiap kelas telah ditempatkan dua orang murid autistik. Ini adalah bagi mengesimbangkan jumlah murid di setiap kelas yang terlibat supaya tidak membebankan guru mata pelajaran dan murid-murid normal yang belajar bersama-sama mereka.

Selain daripada itu, antara persediaan sebelum program ini dilaksanakan adalah di pihak guru-guru mata pelajaran dan murid-murid normal sekolah A. Istimewanya Program Pendidikan Inklusif di sekolah ini ialah semua guru dan pentadbir telah diberikan kursus mengenai program ini secara khusus oleh pihak Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia dan NASOM. Mereka telah diterangkan mengenai ciri-ciri murid autistik, bagaimana implementasi program tersebut dan bidang-bidang kuasa masing-masing. Setiap guru telah mendapat taklimat yang jelas dan telah menyebabkan mereka berasa yakin untuk mengajar murid-murid autistik tersebut.

Di samping itu, murid-murid normal dan warga sekolah yang lain telah diberikan penerangan oleh pihak pentadbir sekolah. Penerangan dan taklimat telah diberikan secara formal dan tidak formal. Pihak sekolah turut memaklumkan kepada ibu bapa murid-murid melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru mengenai implementasi Program Pendidikan Inklusif ini. Surat-surat pemberitahuan mengenai program ini turut diedarkan kepada semua ibu bapa dan penjaga murid di sekolah A sebelum program ini dilaksanakan.

Dari segi sumber bantuan pembelajaran untuk murid autistik di kelas inklusif pula, tiada perubahan atau penyesuaian fizikal atau bahan bantuan mengajar yang telah dibuat oleh pihak terlibat. Tetapi yang istimewanya ialah setiap kelas inklusif akan mendapat khidmat guru pendamping dari NASOM yang bertindak sebagai guru pembantu. Ini adalah penyesuaian yang paling ketara dan berkesan bagi membantu murid-murid autistik ini semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bantuan ini di dapati sangat diperlukan oleh murid-murid autistik ini. Setiap guru pendamping dari

NASOM ini akan bertanggungjawab kepada dua orang murid autistik Mereka akan sentiasa berada bersama-sama murid autistik di sepanjang waktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Kemajuan yang ditunjukkan oleh murid-murid autistik ini diakui oleh kesemua guru yang terlibat. Mereka sekata menyatakan semua murid autistik telah menunjukkan perubahan sama ada dari aspek perubahan tingkah laku atau pun pencapaian akademik. Guru Penolong Kanan menerangkan bahawa tingkah laku murid-murid autistik tersebut kini sudah tidak dapat dibezakan dengan murid-murid normal. Ini dapat dibuktikan jika seorang pelawat baru datang ke sekolah tersebut pasti pelawat tersebut tidak dapat membezakan yang mana satu seorang murid autistik di dalam sesebuah bilik darjah itu. Kesimpulannya, perubahan murid-murid autistik sangat jelas selepas mereka mengikuti PPI. Semua murid autistik telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam semua aspek seperti tingkah laku, komunikasi dan pencapaian akademik.

Semua staf akademik dari guru besar, guru-guru penolong kanan hinggalah guru-guru mata pelajaran dan guru kelas Pendidikan Khas telah mendapat pendedahan mengenai PPI sebelum program ini dilaksanakan. Kursus pendedahan tiga hari dua malam tersebut telah diberikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas dan pihak NASOM. Kursus dan taklimat mengenai murid-murid autistik telah membuka minda dan memberi keyakinan kepada para guru untuk mengajar murid-murid autistik.

Guru-guru mata pelajaran turut bersetuju mengenai kerjasama yang dijalin antara beliau dan guru-guru khas. Kewujudan kerjasama ini telah membantu meningkatkan kualiti pembelajaran murid-murid autistik. Ia turut menggariskan skop tanggungjawab yang dibahagikan antara mereka. Kerjasama antara guru mata pelajaran dan guru pendamping NASOM jelas kelihatan di dalam bilik darjah. Mereka saling bantu membantu dan bertanya antara satu sama lain.

Kesimpulannya, kerjasama yang wujud antara guru mata pelajaran dan guru pendamping telah memberi manfaat kepada semua pihak. Guru mata pelajaran mengaku bahawa dia mengajar menggunakan kaedah "*talk and chalk*". Beliau yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu begitu yakin mengajar dan bijak menyelitkan murid autistik yang berada di dalam kelasnya di dalam sesi pengajaran. Murid autistik tersebut juga boleh dan begitu yakin berinteraksi dengan guru mata pelajaran dan rakan sekelas. Guru tersebut juga tidak nampak kekok berkomunikasi dan berinteraksi dengan murid-murid autistik dan ianya dibuat secara santai hingga tidak nampak janggal atau hanya berlakun di hadapan pengkaji yang turut berada di dalam kelas membuat pemerhatian.

Dalam pemerhatian pengkaji, persekitaran fizikal kelas inklusif adalah amat sesuai. Dengan enrolmen murid antara dua puluh ke dua puluh lima orang di dalam satu bilik darjah, kemasukan murid autistik tidak menjejaskan kepadatan kelas. Kedudukan murid autistik selalunya diletakkan di bahagian hadapan dalam satu-satu kumpulan. Penglihatan mereka tidak terganggu untuk melihat guru atau papan hitam dan memudahkan mereka untuk berinteraksi dengan guru atau sebaliknya. Susunan meja yang di susun mengadap antara satu sama lain memudah interaksi murid-murid normal dengan murid autistik dan sebaliknya.

Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran semua murid autistik akan mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sama dengan murid lain. Di samping itu, terdapat beberapa orang murid autistik yang melibatkan diri secara aktif

semasa guru mengajar. Namun majoriti daripada mereka agak pasif dan nampak seperti tidak memberikan tumpuan kepada guru tetapi tidak pula melakukan sesuatu yang mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Semua guru menggunakan bahan bantuan mengajar yang sama seperti murid lain. Murid autistik yang tiada masalah akan terus melakukan tugas yang diberikan guru tanpa merujuk kepada guru pendamping. Ini menunjukkan murid autistik tidak bergantung kepada guru pendamping sahaja. Mereka telah beransur-ansur berdikari dan hanya memerlukan bantuan kepada guru khas sekiranya perlu.

Dari segi sosialisasi dan komunikasi murid autistik, mereka nampak agak matang dan sudah boleh berkomunikasi dengan guru-guru dan murid-murid lain menggunakan cara komunikasi biasa. Mereka boleh bersosialisasi dengan murid-murid lain dan begitu juga sebaliknya. Tetapi terdapat tiga orang murid autistik yang masih tidak dapat memulakan perbualan dengan rakan sekelas mereka. Murid lain perlu memulakan sesuatu komunikasi barulah mereka akan berinteraksi secara minima sahaja. Sungguhpun demikian murid-murid autistik yang lain akan berinteraksi dan berkomunikasi dengan sesiapa sahaja dengan baik. Komunikasi dua hala yang berkesan didapati semasa waktu rehat. Murid-murid autistik akan bergaul bukan sahaja dengan rakan sekelas tetapi dengan semua murid di sekolah A. Terdapat dua orang murid autistik yang mulai meninggalkan "ciri-ciri tidak boleh berkomunikasi" dan berjaya berinteraksi dan berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Mereka boleh bermain kejar-kejar dengan rakan-rakan bukan sekelas dan makan di tempat-tempat yang berlainan di kantin setiap hari.

Rumusan dan Perbincangan

Program ini berjaya mencapai matlamatnya kerana telah menjalankan beberapa perkara asas yang menjadi prasyarat kepada kejayaan Program Pendidikan Inklusif. Antaranya ialah hanya memilih murid autistik yang menguasai kemahiran asas 3M sahaja mengikuti program ini. Selain daripada itu murid-murid autistik yang terpilih boleh berkomunikasi dan tiada masalah tingkah laku berat yang boleh mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mereka ini dikategorikan sebagai murid autistik berfungsi tinggi. Selain itu, mereka telah diberikan taklimat dan penerangan mengenai perjalanan program dan telah menjalani Program Pra Inklusif di kelas PKBP dan kelas-kelas terpilih sebelum mereka mengikuti Program Pendidikan Inklusif secara sepenuh masa. Kelas-kelas inklusif di sekolah A mempunyai enrolmen yang rendah dan memasukkan murid-murid autistik tidak membebankan. Walaupun meja dan kerusi murid autistik itu turut ditempatkan di dalam kelas secara kekal tetapi pertambahan ini tidak memadatkan ataupun memenuhi ruang di dalam bilik darjah tersebut.

Murid-murid autistik yang terpilih ini mendapat bantuan dan kerjasama daripada ibu bapa masing-masing. Ibu bapa mereka telah bersetuju untuk mematuhi setiap peraturan yang telah dikeluarkan oleh semua pihak seperti NASOM, Jabatan Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pihak sekolah A. Mereka turut memberi kerjasama dalam semua perkara berkaitan pendaftaran anak-anak mereka dengan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, berdaftar dengan program PKBP sekolah A dan membayar semua yuran dan bayaran tambahan yang diperlukan.

Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif amat bergantung kepada pemahaman, penerimaan dan kolaborasi dari semua pihak termasuk pentadbir, guru-guru, murid-murid normal dan ibu bapa. Perancangan yang teliti adalah kunci utama kerana program ini tidak akan berjaya jika tidak dirancang dan dibuat persediaan teliti termasuk menyelesaikan masalah yang timbul sebelum memulakan program. (Weishaar & Borsa, 2001).

Program Pendidikan Inklusif di sekolah A berjaya dan mendapat kerjasama warga sekolah kerana penglibatan semua guru. Guru Besar, guru-guru penolong kanan hingga guru-guru mata pelajaran telah memainkan peranan yang penting. Semua guru telah diberi kursus dan penerangan sebelum murid-murid autistik memulakan program ini. Kursus yang dihadiri telah menaikkan keyakinan mereka untuk menghadapi dan mengajar murid-murid autistik. Di samping itu mereka telah diberikan garis panduan pelaksanaan program ini dan menyebabkan mereka tahu bidang tugas masing-masing. Sikap toleransi dan prihatin guru-guru mata pelajaran telah memberi impak yang positif kepada tabiat pembelajaran murid-murid autistik. Seterusnya ini telah meningkatkan kejayaan Program Pendidikan Inklusif di sekolah A.

Di samping itu, kewujudan guru-guru pendamping dari NASOM yang seakan guru pembantu telah menjadi kunci kepada kejayaan program ini. Wujudnya kerjasama dari segi kerja dan tanggungjawab antara guru-guru mata pelajaran dan guru-guru pendamping sangat membantu program ini. Kadang kala guru-guru ini bertindak seperti "mengajar bersama-sama" atau "*co-teaching*" bersama-sama guru mata pelajaran semasa di dalam bilik darjah. Guru-guru pendamping memberi bantuan dan penerangan tambahan yang diperlukan kepada murid-murid autistik semasa guru mata pelajaran mengajar di dalam kelas. Ini amat membantu dan meringankan tanggungjawab guru mata pelajaran. Sungguhpun demikian penerangan guru-guru pendamping akan beransur-ansur kurang dari masa ke semasa.

Cadangan

Berdasarkan kepada rumusan daripada hasil kajian terdapat faktor-faktor positif yang terdapat di sekolah ini untuk dijadikan panduan bagi pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif murid autistik. Oleh itu beberapa cadangan dikemukakan bagi perkembangan Program Pendidikan Inklusif di masa akan datang.

Cadangan untuk Sekolah

Pihak sekolah perlu membuat perancangan yang rapi sebelum mempertimbangkan pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di sekolah masing-masing. Pihak pentadbir perlu peka, arif dan memahami konsep sebenar Program Pendidikan Inklusif supaya matlamatnya tercapai. Hanya sekolah berenrolmen kecil sahaja sesuai bagi menjalankan program ini dengan berkesan. Ini adalah kerana kemasukan murid-murid autistik tidak banyak memberi impak kepada bilangan murid di dalam sesuatu bilik darjah. Penerangan dan pemantauan yang berterusan dari pihak Jabatan Pendidikan Khas dan pihak NASOM juga perlu diambil perhatian. Memaklumkan kepada ibu bapa murid-murid normal seperti yang dilakukan oleh pihak sekolah ini turut membantu menghebahkan program ini supaya diterima oleh semua warga sekolah ini.

Penerangan kepada Murid-Murid Normal

Pihak sekolah perlu mengadakan penerangan secara terperinci dan terbuka mengenai murid autistik yang akan menjadi rakan sekelas murid normal. Dengan penerangan berterusan, semua warga sekolah khususnya murid-murid dapat memahami dan menerima pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif.

Kolaborasi antara Guru Khas dan Guru Mata Pelajaran

Kolaborasi kerja dan tanggungjawab antara guru-guru khas dan guru mata pelajaran adalah faktor penyumbang kepada kejayaan Program Pendidikan Inklusif. Hubungan baik dan sikap bantu membantu menjamin hubungan yang harmoni dan seterusnya membantu pelaksanaan program ini. Kedua-dua pihak perlu tahu bidang-bidang kuasa masing-masing supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Mereka boleh melakukan aktiviti bersama-sama seperti bengkel pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk murid-murid autistik, bengkel "co teaching" atau mengajar bersama, lawatan sambl belajar dan sebagainya. Dalam keadaan-keadaan tertentu peluang untuk bertukar-tukar pendapat dan pengalaman secara yang bermakna antara rakan sejawat amat baik. Oleh itu, amat besar faedahnya jika Program Pendidikan Inklusif diperluaskan pada skala yang lebih besar, maka diadakan pula forum untuk berkongsi kejayaan, masalah, strategi pengajaran dan lain-lain di antara guru-guru yang terlibat.

Jabatan Pendidikan Khas dan Jabatan Pendidikan Negeri

Pengalaman menjalankan kajian rintis di sekolah A sepatutnya menjadi panduan kepada pihak Jabatan Pendidikan Khas dan Jabatan Pendidikan Negeri. Jelas menunjukkan pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di sekolah A berkesan kerana adanya perancangan yang rapi telah diatur. Semua persediaan di peringkat akar umbi telah dilakukan sebelum murid-murid autistik memulakan program ini.

Semua warga sekolah telah diberikan taklimat, penerangan dan kursus yang sesuai untuk mereka. Oleh itu pihak guru jelas dan faham implementasi program ini dan dapat menjalankannya. Sekiranya program ini mahu dilaksanakan di sekolah-sekolah lain, pihak yang bertanggungjawab perlu membuat modus operandi yang sama seperti dilaksanakan di sekolah A.

Penutup

Kajian ini adalah satu usaha untuk melihat pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif murid autistik. Kejayaan sekolah ini dalam pelaksanaannya adalah berdasarkan ciri-ciri yang telah disenaraikan. Hasil dari kajian tersebut mendapati perspektif baru Program Pendidikan Inklusif selepas pengkonsepian semula pendidikan khas sedang beransur-ansur bergerak maju. Usaha yang berterusan perlu bagi memastikan program ini terus dijalankan dengan teratur dan berjaya. Kita dapat meningkatkan murid-murid autistik ini dari satu liabiliti menjadi satu asset yang penting dan berguna kepada negara. Mereka boleh menjadi modal insan yang gemilang satu hari nanti.

Rujukan

- Abdul Mutalib Mohd Zain. (1994). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Inklusif ke Arah Pengisian Wawasan Pendidikan untuk semua*. Bahagian Sekolah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Rahim Selamat. (1994). *Strategi-strategi bagi pelaksanaan Pendidikan Inklusif*. Bengkel Kebangsaan Pertama Pendidikan Inklusif. Seaview Hotel Langkawi
- Al Quran.(1983). *Tafsir Al Quran* oleh Prof. Dr. H. Mahmud Yunus, Edisi ke 23. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung,
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2002). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ang Huat Bin. (1999). *Konsep dan Kaedah Pengajaran dengan Penekanan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ashman, A. & Elkins, J. (1998). *Educating Children with Special Needs*. Australia : Prentice Hall.
- Asmah Hj. Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur DBP.
- Azrina Abdul Majid. (2000). *Persepsi guru khas dan guru Biasa terhadap Hubungan Sosialisasi Murid Khas dengan Murid Normal di dalam Program Integrasi*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bauer, A. & Kroeger, S. (2004). *Inclusive Classrooms*. New Jersey : Pearson Merrill Prentice Hall.
- Choate, J. S. (Ed.). (2000). *Successful Inclusive Teaching*. USA : Allyn and Bacon.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research Methods*.(5th Ed.). London : Routledge Falmer.
- Crowther, J. (Ed.) (1995). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. (5th Edition). Oxford: Oxford University Press.
- Davis, P. (2003). *Including Children With Visual Impairment in Mainstream school. A Practical Guide*. London: David Fulton Publishers.
- Dyson, A. & Millward, A. (2000). *Schools and Special Need: Issues of Innovation and Inclusion*. London: SAGE Publications Inc.
- Ee Ah Meng. (1998). *Pedagogi III. Pengujian dan Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Farrell, P. & Ainscow, M. (Ed.). (2002). *Making Special Education Inclusive*. London: David Fulton Publisher.
- Fitton, P. (1994). *Listen to Me*. London : Jessica Kingsley Publishers Ltd.
- Ferguson, P.M. et. al. (Ed.).(1992). *Interpreting Disability. A Qualitative Reader*. New York, USA : Teachers College Press.
- Fernandez, M. (2000). Educating Mary : A Special Education case study in one Western Australia high school. Support for Learning. *Juornal* 15(3).
- Garguilo, R.M. (2006). *Special Education In Contemporary Society*. (2nd Ed). USA : Thomson Wadsworth .
- Greig, A. & Taylor, J. (1999). *Doing research with Children*. London : Sage Publications Inc.
- Gore, M.C. (2004). *Sucessful Inclusion Strategies For Secondary and Middle School Teachers*. Carlifornia, USA : Corwin Press.

- Haniz Ibrahim. (1998). *Inclusion Education in Malaysia : Teachers' attitude to Change*. Dessertation Ph.D: Faculty of Education, University of Exeter.
- Holliday, A. (2002). *Doing and writing Qualitative Research*. London : Sage Publications Ltd.
- Howlin, P., Baron-Cohen, S. & Hadwin, J. (1999). *Teaching Children With Autism To Mind-Read*. England: John Wiley & Son Ltd.
- Jones, G. (2002). *Educational Provision for Children with Autism And Asperger Syndrome. Meeting their Needs*. London : David Fulton Publication Ltd.
- Jones, V.F. & Jones, L. S. (1990). *Comprehensive Classroom Management*. USA:Allyn and Bacon.
- Jordan, R. & Jones, G. (1997). *Meeting The Needs O Children With Autistic Syndrome Disorders*. London : David Fulton Publication Ltd.
- Jordan, R & Powell, S. (1995). *Understanding And Teaching Children With Autism*. England: John Wiley & Son Ltd.
- Kamariah Jalil. (1995). *Ke arah Peluang Yang Sama Dan Penyertaan Sepenuhnya*. Kertas Kerja Pendidikan Inklusif: Pendidikan Untuk Semua. Primula Beach Resort, Terengganu.
- Khine, M.S., Quek, C.L., Wong, A. & Lourdusamy, A. (2003). *Classroom Management for Beginning Primary Teachers*. Singapore : Prentice Hall.
- Lang, G. & Berberich, C. (199). *All Children Are Special. Creating An Inclusive Classroom*. New York : Stenhouse Publishers.
- Lee Shok Mee (1996). *Psikologi Pendidikan 2 : Teori dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Lewis, A. & Lindsay, G. (Ed.). (2000). *Researching Children's Perspectives*. Buckingham : Open University Press.
- Lynas, W. (1986). *Intergrating the Handicapped into Ordinary Schools*. London: Croom Helm.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (1995). *Designing Qualitative Research*. 2nd ed. Thousand Oaks, CA, USA: Sage Publications Ltd.
- McConkey, R & Bhlrigri, S. (2003). Children with Autism Attending Preschool Facilities: the experiences and perceptions of staff. *Early Child Development and Care Journal*. 173 (4), 445-452
- Meijer, C.J.W., Pijl, S.J. & Hegarty, S. (Ed.). (1994). *New Perspectives in Special Education*. London: Routledge.
- Mesibov, G & Howley, M. (2003). *Accessing The Curriculum for Pupils with Autistic Syndromme Disorders*. London : David Fulton Publication Ltd.
- Mesibov, G.B. & Shea, V. (1996). Full Inclusion and Students with Autism. *Journal of Autism and Developmental Disorder.*, 26(3), 337-346.
- Mohd. Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan Ringkas: Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library.
- Mok Song Sang (2000). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Moyes, R.A. (2002). *Addressing The Challenging Behavior of Children with High Functioning Autism / Asperger Syndrome in the Classroom*. London : Jessica Kingsley Publishers Ltd.

- Ochs, E., Kremer-Sadlik, T., Solomon, O. & Sirota, K.G. (2001). Inclusion as Social Practice: Views of Children with Autism. *Journal of Autism and Developmental Disorder*, 10 (3)
- Paul, J.L. et. al.(1997).*Special Educatin Practice*. USA : Brooks / Cole Publishing Co.
- Pijl, S.J., Meijer, C.J.W., Hegarty, S. (Ed.). (1997). *Inclusive Education A Global Agenda*. London: Routledge.
- Rahil Mahyuddin & Habibah Elias. (2002). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Gomm, R. & Woods, P.(Ed.). (1993) *Education Research in Action*. London: Paul Chapman Publicatin Ltd.
- Robertson, K., Chamberlain, .B & Kasari, C. (2003). General Education Teachers' Relationships with Included Students with Autism. *Journal of Autism and Developmental Disorder*, 33(2).
- Rohaty MohdMajzub. (1996). Sikap Guru Besar atau Pengetua Terhadap Pengintergrasian Kanak-kanak dengan Keperluan Khas. *Jurnal Pendidikan*, 21,33-50
- Rose, R. & Grosvenor, I. (Ed.) (200). *Doing Research in Special Education: Ideas into practice*. London: David Fulton Publisher.
- Saravanan A/L Veeramuthu. (1997). *Kajian terhadap pelaksanaan sebuah kelas inklusif di sekolah rendah*. Tesis Masters yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2003). *Pedagogi: Strategi dan Tteknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang: PTS.
- Smith, R.M., Neisworth, J.T. (1980). *The Exceptional Child. A Functional Approach*. USA : Mc Graw-Hill.
- Stakes, R. & Hornby, G. (2000). *Meeting Special Needs in Mainstream Practical Guide for Teachers*. London: David Fulton Publisher.
- Sulaiman Ngah Razali. (2001). *Pedagogi - Teori dan praktik*. Kuala Lumpur : DBP.
- Thacker, J., Strukwick, D. & Babbedge, E. (2002). *Educating Children with Emotional and Behavioral Difficulties: Inclusive Practice in Mainstream Schools*. London: Routledge.
- Thomas, G & Feiler, A (1988). *Planning for Special Nneeds : A Whole School Approach*. London, Great Britain : Blackwell Ltd
- Wearmouth, J. (Ed.). (2001).*Special Education Provision in the context of Incusion. Policy and practice in school*. London: David Fulton Publishers.
- Weishaar, M & Borsa, J.C. (2001). *Inclusive Educational Administration: A Case Study Approach*. New York: McGraw-Hill Co.
- Westwood, P. (1987). *Commonsense Methods for Children with Special Needs*. London: Croom Helm.
- Wolfberg, P.J. (1999). *Play and Imagination in Children with Autism*. New York : Columbia University.
- Worth, S. (2005). *Autistic Syndrome Disorders*. London : Continuum International Publishing Group
- Zaleha Tambi Adam. (1997). *Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Kanak-kanak Khas Bermasalah Pembelajaran di sebuah sekolah di Kuala Lumpur*. Tesis Masters yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zalizan Mohd Jelas.(1996). *Perkembangan kini dan peningkatan pelaksanaan Pendidikan Inklusif*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas.

Zainal Abidin Safarwan (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Artikel dalam jurnal elektronik:

<http://www.autcom.org/criteria.html>

<http://www.autism.org/styles.html>

<http://www.autism-resources.com/autismfaq-defi.html>

<http://www.educationnext.org/20041/42.html>

<http://puterakembara.org>

<http://www.researchmethods.com/>